

71

SOALAN NO: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**[ BATU SAPI ]**  
**TARIKH : 15 MAC 2018**  
**SOALAN : 39**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kedudukan terkini perkhidmatan ambulans di Sandakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2016 Hospital Duchess of Kent Sandakan telah mewujudkan Unit Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulans bagi mengukuhkan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan di Sandakan. Buat masa ini jumlah kenderaan ambulans yang beroperasi di Daerah Sandakan adalah sejumlah 8 buah kenderaan di mana 4 buah kenderaan ambulans di hospital dan 4 buah kenderaan ambulans lagi di klinik kesihatan.

Bagi perolehan kenderaan ambulans dalam tahun 2017/2018, Negeri Sabah akan menerima 74 buah kenderaan ambulans baharu. Selain dari 9 buah ambulans jenis 4 *wheel drive* yang akan diagihkan ke klinik

kesihatan. Daerah Sandakan akan menerima 4 buah kenderaan ambulans baru iaitu 3 buah untuk hospital dan 1 buah untuk klinik kesihatan di mana agihan dijangka akan dilakukan pada April dan Julai 2018.